

10 SEP 1999

Ling-IMF

KITA MEMBUKTIKAN BAHAWA KITA BETUL, KATA DR LING

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Pengakuan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) bahawa langkah kawalan modal terpilih berkesan dalam memulihkan ekonomi Malaysia menunjukkan bahawa "selama ini kita betul", kata presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Apabila perdana menteri melihat ekonomi mengucup, kadar faedah naik, perniagaan hancur, rakyat kehilangan pekerjaan dan kecewa, rantau ini menjadi huru-hara, mogok, rusuhan dan pembunuhan berlaku, beliau berkata cukuplah setakat itu.

"Apabila beliau mengemukakan pendapatnya dan analisis bahawa IMF bukan untuk kita, dunia mencemuhnya, dan mereka berpendapat beliau sudah tidak waras.

"Akan tetapi beliau meneruskannya dan membuktikan bahawa kita betul, dan terutama sekali beliau betul. Hari ini, mereka yang mentertawa dan mencemuhnya, dengan tersipu-sipu mengakui bahawa beliau betul dan apa yang beliau lakukan adalah satu contoh baik untuk rantau lain," kata Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan.

Dr Ling berkata rakyat Malaysia perlu terus bekerja keras dan mempertingkatkan diri walaupun ekonomi kini semakin pulih.

Katanya beliau percaya rakyat Malaysia akan mengundi dengan betul pada pilihan raya umum akan datang untuk memastikan Dr Mahathir terus memimpin Malaysia dengan sebuah kerajaan yang kuat.

Sebelum itu, Dr Ling mengumumkan bahawa MCA telah menerima sembilan keping cek berjumlah RM305,837 untuk didermakan kepada Pusat Sindrom Down Kiwanis.

Sumbangan itu termasuk RM60,000 dari Puan Sri Lee San Choon dan rakan-rakan dan RM50,000 dari Golden Star Video Berhad.

MCA akan menganjurkan satu konsert pada 20 Sept di Hotel Renaissance di sini untuk mengutip derma sebanyak RM1 juta bagi pusat itu.

Sementara itu, ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen berkata pergerakan itu akan mengadakan pertunjukan "Malam Interaksi Kebudayaan Malaysia-China" pada 16 Sept di Dewan San Choon, Wisma MCA di Jalan Ampang.

Tiket bagi pertunjukan itu boleh diperolehi di Wisma MCA; MCA (WP) Building, Jalan Jejaka 2, Taman Maluri; Nanyang Siang Pau dan China Press.

Untuk maklumat lanjut, telefon 03-2618044.

-- BERNAMA

NHA AKD